



PROGRESSIVE INSURANCE BHD

SKIM INSURANS BERKELOMPOK SABAH

INISIATIF
KERAJAAN NEGERI
SABAH

LAYAK UNTUK RAKYAT SABAH:

- BERUMUR 30 HARI HINGGA 80 TAHUN
- NOMBOR KAD PENGENALAN DENGAN NOMBOR NEGERI SABAH IAITU 12, 47, 48, ATAU 49

“SABAH MAJU JAYA”

Manfaat

No	Penerangan Manfaat	Jumlah Dilindungi (Setiap Individu)
1	Kematian Akibat Kemalangan	RM10,000.00
2	Hilang Upaya Kekal dalam masa 365 hari selepas kemalangan	RM10,000.00
	(i) Hilang Upaya Kekal Menyeluruh, lumpuh, Hilang kewarasan, terlantar sakit	100%
	(ii) Hilang dua anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali	100%
	(iii) Kehilangan penglihatan pada kedua-dua belah mata	75%
	(iv) Kehilangan Pendengaran kedua-dua belah telinga	50%
	(v) Kehilangan Pertuturan	50%
	(vi) Kehilangan satu (1) anggota pada atau di atas pergelangan, tangan atau buku lali	50%
	(vii) Kehilangan penglihatan sebelah mata	50%
	(viii) Kehilangan pendengaran sebelah telinga	25%
3	Khairat Kematian atau pengkebumian yang disebabkan oleh Kemalangan maut	RM500.00

Nota: Manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM tertakluk kepada had yang ditetapkan. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Perlindungan

- ✓ 1 Mei 2025 - 30 April 2028
- ✓ Kematian Akibat Kemalangan
- ✓ Hilang Upaya Kekal Akibat Kejadian Kemalangan
- ✓ 24x7 Seluruh Dunia

Imbas QR untuk
maklumat terperinci



Proses Tuntutan

KEMALANGAN
YANG
MENGAKIBAT
KAN

1. Kematian
2. Hilang Upaya Kekal



DAPATKAN
DAN
LENGKAPKAN
BORANG
TUNTUTAN

- Muat turun borang dari laman web Progressive Insurance
- Mengambil dari:-
 - Pejabat Cawangan Progressive
 - Pejabat Daerah
 - Pejabat Majlis Daerah



KUMPULKAN
DOKUMEN
SOKONGAN

Untuk Tuntutan Kematian Akibat Kemalangan:

1. Borang Tuntutan yang Lengkap
2. Salinan Kad Pengenalan Mendiang
3. Salinan Kad Pengenalan Penuntut
4. Sijil kematian yang disahkan
5. Laporan Polis
6. Sijil Nikah (Pasangan) atau Surat Beranak (Anak) untuk pembuktian talian persaudaraan

Untuk Tuntutan Kehilangan Upaya Kekal:

1. Borang Tuntutan yang Lengkap
2. Salinan Kad Pengenalan Penuntut
3. Laporan Perubatan
4. Salinan Repot Polis (untuk kemalangan kenderaan motor sahaja)



SERAHKAN
SEMUA
DOKUMEN
LENGKAP

Dokumen lengkap hendaklah dihantar kepada Progressive Insurance melalui:-

- WhatsApp ke 018-211 8239; ATAU
- Email ke sabahgpa@progressiveinsurance.com.my; ATAU
- Hantar secara langsung/ kurier salinan asal kepada cawangan Progressive Insurance



PROSES DAN
PEMBAYARAN
TUNTUTAN

Setelah semua dokumen lengkap diterima dan disahkan, pembayaran akan diproses dalam tempoh 14 hingga 30 hari



Hubungi kami di:



PROGRESSIVE INSURANCE BHD

☎ 088-33 5789

Isnin-Khamis: 8:15 pagi – 5:15 ptg
Jumaat: 8:15 pagi – 4:45 ptg
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum: Tutup

☎ 018-211 8239

✉ sabahgpa@progressiveinsurance.com.my

Cawangan

Head Office

6th, 9th & 10th Floor
Menara Cosway, Plaza Berjaya
No. 12, Jalan Imbi
55100 Kuala Lumpur

☎ 03-2118 8000

🕒 Monday – Thursday: 9:00AM–6:00PM
Friday: 9:00AM–5:30PM

Alor Setar

No. 223, Tingkat 2, Jalan Gangsa
Kawasan Perindustrian
Ringan Kristal
05150 Alor Setar
Kedah

☎ 04-733 9846/ 9691

🕒 Monday – Thursday: 9:00AM–6:00PM
Friday: 9:00AM–5:30PM

Butterworth

Ground & 1st Floor
2755, Jln Chain Ferry
Taman Inderawasih
13600 Prai, Sebrang Prai Tengah
Penang

☎ 04-397 7128

🕒 Monday – Thursday: 9:00AM–6:00PM
Friday: 9:00AM–5:30PM

Malacca

13A, Jalan Melaka Raya 24
Taman Melaka Raya
75000 Melaka

☎ 06-288 3831

🕒 Monday – Thursday: 9:00AM–6:00PM
Friday: 9:00AM–5:30PM

Johor Bahru

17-01, Jalan Kebun Teh 1
Pusat Perdagangan Kebun Teh
80250 Johor Bahru
Johor

☎ 07-227 0996

🕒 Monday – Thursday: 9:00AM–6:00PM
Friday: 9:00AM–5:30PM

Kota Kinabalu

Ground & 7th Floor
Wisma Perkasa, Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu
Sabah

☎ 088-24 4216

🕒 Monday – Thursday: 8:15AM–5:15PM
Friday: 8:15AM–4:45PM

Sandakan

1st Floor, Lot 1, Block 3
Bandar Indah, Mile 4, North Road
90000 Sandakan
Sabah

☎ 089-23 8810

🕒 Monday – Thursday: 8:15AM–5:15PM
Friday: 8:15AM–4:45PM

Kuching

Sublot 11 & 12, Lots 9966 & 9967
1st Floor, Premier 101
Jalan Tun Jugah
93350 Kuching
Sarawak

☎ 082-57 2013

🕒 Monday – Thursday: 8:15AM–5:15PM
Friday: 8:15AM–4:45PM

Soalan Lazim

S: Apakah skim perlindungan insurans ini?

J: Ini adalah skim insurans Berkelompok (GPA) yang dimulakan oleh kerajaan untuk memberikan perlindungan kepada rakyat Sabah yang layak terhadap kematian atau kehilangan upaya kekal akibat kemalangan

S: Siapa yang layak untuk skim ini?

J: Kelayakan adalah automatik untuk individu yang memenuhi kedua-dua kriteria berikut sepanjang tempoh polisi:

- Berumur antara 30 hari hingga 80 tahun.
- Dilahirkan di Sabah dengan nombor Kad Pengenalan Negara (NRIC) yang mengandungi kod negeri Sabah 12, 47, 48, or 49.

S: Adakah saya perlu mendaftar?

J: Tidak, pendaftaran tidak diperlukan. Perlindungan adalah automatik untuk semua rakyat Sabah yang layak. Ini mengelakkan keperluan untuk mengumpul data peribadi dan memastikan tiada individu yang layak terlepas.

S: Bagaimana cara untuk saya menyemak jika saya dilindungi?

J: Anda tidak perlu menyemak pendaftaran. Jika anda memenuhi kriteria kelayakan (umur 30 hari hingga 80 tahun dan dilahirkan di Sabah dengan kod negeri 12, 47, 48, atau 49 pada NRIC anda), anda secara automatik dilindungi.

S: Adakah bayi yang baru lahir dilindungi?

J: Ya, bayi yang dilahirkan di Sabah akan dilindungi sebaik sahaja mereka mencapai umur 30 hari, dengan syarat mereka memenuhi kriteria NRIC.

S: Bagaimana jika saya tidak biasa dengan insurans dan memerlukan bantuan untuk tuntutan?

J: Progressive insurance mempunyai TALIAN BANTUAN khusus 088-33 5789. Pasukan khidmat pelanggan kami akan membantu dan membimbing pemohon melalui proses tuntutan.

S: Adakah saya dilindungi jika Kad Pengenalan saya mengandungi kod negeri Sabah 12, 47, 48, atau 49, tetapi tidak menetap di Sabah?

J: Ya, selagi anda dilahirkan di Sabah dengan kod negeri yang dinyatakan dalam Kad Pengenalan.

S: Berapa lama Progressive Insurance membayar tuntutan?

J: Jika semua dokumen tersedia dan lengkap, Progressive Insurance akan membayar tuntutan dalam tempoh 30 hari.

Soalan Lazim

S: Adakah skim insurans ini melindungi lawatan ke klinik, rawatan pakar, kemasukan wad hospital, atau pembedahan?

A: Tidak, insurans kemalangan diri ini tidak melindungi sebarang rawatan perubatan. Ia hanya memberi bayaran pampasan sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, hilang upaya kekal, dan perbelanjaan pengebumian akibat kematian kemalangan

S: Apakah yang tidak dilindungi dalam insurans kemalangan diri berkelompok ini?

J: Perkara berikut (tetapi tidak terhad kepada); sila rujuk dokumen polisi untuk senarai penuh pengecualian.

- Aktiviti penganas/keganasan
- Kecederaan sendiri/mencederakan diri sendiri dengan sengaja
- Bunuh diri dan kurang siuman
- Sengaja mendatangkan marah mengakibatkan pembunuhan dan serangan
- Sukan berisiko tinggi
- Dadah, AIDS, penyakit HIV, penyakit seks berjangkit
- Aktiviti ketenteraan, laut, udara, polis dan bomba
- Jangkitan penyakit berjangkit semasa Pandemik
- Kematian kerana penyakit/ masalah kesihatan

S: Adakah terdapat tempoh masa untuk saya membuat tuntutan?

J: Sila kemukakan tuntutan anda dalam masa 60 hari dari tarikh kemalangan.

Pengecualian

Nota: Berikut adalah pengecualian utama dalam polisi ini. Untuk senarai penuh pengecualian, sila rujuk dokumen polisi dari laman web Progressive Insurance

Pekerjaan yang tidak layak:

- Askar/ Polis
- Pramugari, Pramugara dan krew kapal terbang
- Pakar/ Pengendali bahan letupan
- Penyelam
- Pembalak
- Pekerja luar sisir minyak dan gas
- Juruterbang
- Pemandu Profesional
- Pelaut
- Kuli pelabuhan/ Wartawan Perang/ Pelombong

Walau bagaimanapun, pekerjaan terkecuali ini akan dilindungi bila pekerja bercuti dan tidak melakukan pekerjaan mereka (OFF-DUTY)